

PENYATA PENERUS

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan ini membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Beraudit Lion Industries Corporation Berhad ("LICB" atau "Kumpulan" atau "Syarikat") bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021.

PRESTASI KEWANGAN

Syarikat telah mengubah tahun kewangannya yang berakhir pada 30 Jun kepada 31 Disember, dan sehubungan dengan itu, tempoh kewangan dalam kajian bagi tempoh 18 bulan iaitu bermula pada 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2021. Tahun kewangan sebelum ini yang berakhir pada 30 Jun 2020, merangkumi 12 bulan bermula dari 1 Julai 2019 hingga 30 Jun 2020. Oleh itu, keputusan untuk kedua-dua tempoh ini tidak boleh dibandingkan.

Bagi tempoh kewangan dalam kajian, Kumpulan mencatat pendapatan berjumlah RM3,937 juta di mana perniagaan keluli dan bahan binaan merupakan penyumbang utama kepada pendapatan Kumpulan. Ekonomi Malaysia sedang menuju ke arah pemulihan dengan sokongan pembukaan semula sektor ekonomi selepas penarikan balik sekatan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan. Industri keluli Malaysia meningkat pada tahun 2021 selepas mengalami kemerosotan pada tahun 2020, sejajar dengan kenaikan harga keluli global berikutan peningkatan permintaan dari luar negara. Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM570.3 juta untuk tempoh 18 bulan ini selepas mengambil kira keuntungan daripada penjualan anak syarikat berjumlah RM440.5 juta dan keuntungan RM193.1 juta daripada penyusunan penyelesaian hutang bercagar.

Sehingga 31 Disember 2021, Kumpulan berada pada kedudukan tunai bersih dengan aset bersih berjumlah RM1,814 juta, atau aset bersih sesaham sebanyak RM2.66, meningkat 82 sen berbanding tahun kewangan yang lalu.

PERKEMBANGAN KETARA DALAM KORPORAT

- (i) Dalam tahun kewangan lalu dan semasa, Syarikat telah mengumumkan cadangan pengembangan operasi kepada perniagaan keluli rata melalui cadangan pengambil alihan aset-aset keluli rata untuk pembuatan gegelung gelekkan panas dan gegelung gelekkan sejuk ("Cadangan Pengembangan Operasi kepada Perniagaan Keluli Rata").

Cadangan berikut di bawah Cadangan Pengembangan Operasi kepada Perniagaan Keluli Rata telah dimuktamadkan pada 30 Julai 2020, iaitu Tarikh Penyelesaian (Skim Terjamin) (seperti yang ditakrifkan dalam pengumuman Syarikat bertarikh 11 Jun 2019):

- (a) Cadangan Pengambil Alihan Aset Terhutang di mana Pemegang Amanah Sekuriti menyerahkan bayaran pendahuluan sebanyak RM84.00 juta kepada setiap Peminjam Bercagar Megasteel Sdn Bhd dan pemilikan sah Aset-aset Terhutang bersama-sama dengan hak dan kepentingan Secomex Manufacturing (M) Sdn Bhd ("Secomex") yang telah dipindahkan kepada Cendana Aset Sdn Bhd; dan
- (b) Cadangan Pengambil Alihan Nota Janji MS di mana Pemegang Amanah Sekuriti menyerahkan Pertimbangan Pembelian Nota Janji MS berjumlah RM8.50 juta kepada setiap Peminjam Bercagar Megasteel, dan hak, pemilikan dan kepentingan di bawah Nota Janji MS yang telah ditandatangani dan ditentu tarikh oleh Pemegang Amanah Sekuriti pada Tarikh Penyelesaian (Skim Bercagar), telah dipindahkan kepada Gelora Berkat Sdn Bhd.

Nota Janji MS diterbitkan oleh Megasteel kepada Pemegang Amanah Sekuriti sebagai penyelesaian penuh dan terakhir terhadap keseluruhan bahagian hutang yang nilai cagarannya lebih rendah sebanyak RM522.63 juta dengan Peminjam Bercagar Megasteel. Nota Janji MS membolehkan Gelora Berkat Sdn Bhd berhak untuk menerima jumlah penyelesaian yang perlu dibayar oleh Megasteel kira-kira RM2.98 juta berdasarkan Skim Tidak Bercagar Megasteel.

Pada 27 Julai 2020, Secomex telah menjadi anak syarikat milik penuh Syarikat apabila 500,000 saham biasa, yang mewakili 100% kepentingan ekuiti dalam Secomex telah didaftarkan atas nama Cendana Aset Sdn Bhd.

Perintah Mahkamah bagi Skim Tidak Bercagar Megasteel telah diserahkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 3 Ogos 2020. Oleh itu, perjanjian jual beli untuk Cadangan Pengambil Alihan Aset-aset Bebas Hutang juga bertarikh 3 Ogos 2020.

Skim Tidak Bercagar Megasteel telah dimuktamadkan pada 24 Disember 2021, dan sehubungan itu, Cadangan Pengembangan Operasi kepada Perniagaan Keluli Rata juga disempurnakan pada tarikh yang sama.

- (ii) Cadangan pelupusan keseluruhan 100% kepentingan ekuiti dalam Antara Steel Mills Sdn Bhd ("Antara") oleh Amsteel Mills Sdn Bhd ("AMSB"), anak syarikat 99% milik Syarikat, kepada Esteel Enterprise Pte Ltd ("Esteel") bagi pertimbangan pelarasan akhir sebanyak USD165.63 juta (bersamaan dengan RM697.74 juta) ("Cadangan Pelupusan Antara").

Cadangan Pelupusan Antara telah selesai pada 10 Disember 2021. Berikutan itu, Antara bukan lagi anak syarikat milik Syarikat berkuat kuasa mulai 10 Disember 2021.

- (iii) Cadangan pelupusan keseluruhan 100% kepentingan ekuiti dalam Eden Flame Sdn Bhd ("Eden") oleh AMSB kepada Esteel untuk pertimbangan pelarasan proforma sebanyak RM135.88 juta berdasarkan akaun pengurusan proforma Eden pada 30 November 2021 ("Cadangan Pelupusan Eden").

Cadangan Pelupusan Eden sedang menunggu syarat-syarat terdahulu dipenuhi.

PROSPEK

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang 5.3% hingga 6.3% pada tahun 2022 menurut Bank Negara Malaysia meskipun terdapat kebimbangan berlakunya inflasi yang disebabkan oleh beberapa faktor termasuk peningkatan harga komoditi global dan risiko gangguan dalam rantaian bekalan.

Namun begitu, Kumpulan kekal bersikap optimistik tetapi berhati-hati. Kumpulan akan terus menumpu untuk membendung kos operasinya, mengoptimumkan kecekapan operasi dan memanfaatkan peluang pertumbuhan baharu bagi tahun kewangan akan datang.

LEMBAGA PENGARAH

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan penghargaan tulus ikhlas kepada Allahyarham Dato' Kamaruddin @ Abas bin Nordin yang meninggal dunia dalam tempoh kewangan ini, atas dedikasi dan sumbangan Allahyarham kepada Syarikat sepanjang berkhidmat sebagai Pengarah. Kami ingin merakamkan dan menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham. Ia adalah satu penghormatan untuk bekerja bersama-sama Allahyarham Dato' Kamaruddin dan Allahyarham akan terus dikenang.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin melahirkan penghargaan tulus ikhlas kepada semua pemegang saham, para pelanggan, pembiaya kewangan, sekutu perniagaan dan pihak berkuasa kerajaan dan pengawal selia yang dihargai, atas sokongan dan keyakinan berterusan mereka terhadap Kumpulan sepanjang tempoh yang mencabar ini.

Saya juga ingin menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan Pengarah atas bimbingan, sokongan dan sumbangan mereka yang tidak ternilai sepanjang tempoh kewangan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan warga kerja atas dedikasi dan komitmen mereka kepada Kumpulan.

DATUK SERI UTAMA RAJA NONG CHIK BIN
DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN
Pengerusi

CHAIRMAN'S STATEMENT

On behalf of the Board of Directors ("Board"), I am pleased to present the Annual Report and Audited Financial Statements of Lion Industries Corporation Berhad ("LICB" or "the Group" or "the Company") for the financial period ended 31 December 2021.

FINANCIAL PERFORMANCE

The Company had changed its financial year end from 30 June to 31 December, and hence the financial period under review is for an 18-month period from 1 July 2020 to 31 December 2021. The preceding financial year that ended on 30 June 2020 comprised 12 months from 1 July 2019 to 30 June 2020. As such, the results for these two periods are not comparable.

For the financial period under review, the Group registered a revenue of RM3,937 million with the steel and building materials businesses being the main contributors to the Group's revenue. The Malaysian economy is on the path to recovery supported by the reopening of economic sectors after the lifting of various restrictions of the Movement Control Orders. Malaysia's steel industry picked up in 2021 after a slowdown in 2020, in line with rising global steel prices due to soaring demand from overseas. The Group posted a profit before tax of RM570.3 million for the 18-month period after including a gain on disposal of a subsidiary company amounting to RM440.5 million and a gain of RM193.1 million from a secured debts settlement arrangement.

The Group is in a net cash position as at 31 December 2021 with net assets of RM1,814 million, translating into net assets per share of RM2.66, an increase of 82 sen from that of the last financial year.

SIGNIFICANT CORPORATE DEVELOPMENTS

- (i) During the previous financial years and the current financial period, the Company had announced its proposed expansion into flat steel business through the proposed acquisition of flat steel assets for the production of hot rolled coils and cold rolled coils ("Proposed Expansion into Flat Steel Business").

The following proposals under the Proposed Expansion into Flat Steel Business have been completed on 30 July 2020, being the Settlement Date (Secured Scheme) (as defined in the Company's announcement dated 11 June 2019):

- (a) Proposed Acquisition of Encumbered Assets whereby the Security Trustee had released the upfront payment of RM84.00 million to each of the Megasteel Secured Lenders and the legal ownership of the Encumbered Assets together with the Secomex Manufacturing (M) Sdn Bhd ("Secomex") rights and benefits have been transferred to Cendana Aset Sdn Bhd; and
- (b) Proposed Acquisition of MS Promissory Note whereby the Security Trustee had released the Purchase Consideration for MS Promissory Note of RM8.50 million to each of the Megasteel Secured Lenders and the right, title and interest under the MS Promissory Note which was duly signed and dated by the Security Trustee on Settlement Date (Secured Scheme) has been transferred to Gelora Berkhat Sdn Bhd.

The MS Promissory Note was issued by Megasteel to the Security Trustee as full and final settlement of the entire under-secured portion debt of RM522.63 million with the Megasteel Secured Lenders. The MS Promissory Note allows Gelora Berkhat Sdn Bhd to be entitled to receive a settlement amount payable by Megasteel estimated at approximately RM2.98 million pursuant to the Megasteel Unsecured Scheme.

Secomex had on 27 July 2020 became a wholly-owned subsidiary of the Company following the registration of the 500,000 ordinary shares, representing 100% equity interest in Secomex in the name of Cendana Aset Sdn Bhd.

The Court Order for the Megasteel Unsecured Scheme was lodged with the Companies Commission of Malaysia on 3 August 2020. Accordingly, the sale and purchase agreement for the Proposed Acquisition of Unencumbered Assets, had also been dated 3 August 2020.

The Megasteel Unsecured Scheme has been completed on 24 December 2021 and accordingly, the Proposed Expansion into Flat Steel Business was therefore completed on even date.

- (ii) Proposed disposal by Amsteel Mills Sdn Bhd (“AMSB”), a 99% owned subsidiary of the Company, of its entire 100% equity interest in Antara Steel Mills Sdn Bhd (“Antara”) to Esteel Enterprise Pte Ltd (“Esteel”) for a final adjusted consideration of USD165.63 million (equivalent to RM697.74 million) (“Proposed Disposal of Antara”).

The Proposed Disposal of Antara has been completed on 10 December 2021. Consequent thereupon, Antara is no longer a subsidiary of the Company with effect from 10 December 2021.

- (iii) Proposed disposal by AMSB of its entire 100% equity interest in Eden Flame Sdn Bhd (“Eden”) to Esteel for a proforma adjusted consideration of RM135.88 million based on Eden’s proforma management accounts as at 30 November 2021 (“Proposed Disposal of Eden”).

The Proposed Disposal of Eden is pending fulfilment of conditions precedent.

APPRECIATION

On behalf of the Board, I wish to express my heartfelt and sincere thanks to all our valued shareholders, customers, financiers, business associates and the various governmental and regulatory authorities for their continuing support and confidence in the Group throughout these challenging times.

I would also like to convey my appreciation and gratitude to my fellow Directors for their invaluable guidance, support and contribution throughout the period.

Last but not least, I would like to place on record my appreciation to the management and staff for their dedication and commitment to the Group.

PROSPECTS

The Malaysian economy is expected to grow by 5.3% to 6.3% in 2022 according to Bank Negara Malaysia although there is concern over inflation due to factors including global commodity price developments and risks from disruption in supply chains.

Nevertheless, the Group remains cautiously optimistic. The Group will continue to focus on containing its operating costs, optimising operational efficiencies and tapping new opportunities for growth for the next financial year.

BOARD OF DIRECTORS

On behalf of the Board, I would like to express our sincere gratitude to the late Dato’ Kamaruddin @ Abas bin Nordin who passed away during the financial period under review, for his dedication and contribution to the Company during his tenure as Director. We wish to express and convey our deepest condolences to his family. It had been an honour working with Dato’ Kamaruddin and he will be sorely missed.

DATUK SERI UTAMA RAJA NONG CHIK BIN
DATO’ RAJA ZAINAL ABIDIN
Chairman

主席报告

我谨代表董事部，欣然宣布金狮工业机构有限公司截至2021年12月31日的常年报告和经审核财务报表。

财务表现

公司更改其财政年度的结束日期，从6月30日改到12月31日。因此，受审核的财政时期是从2020年7月1日到2021年12月31日，共18个月。上一个会计年度在2020年6月30日结束，是从2019年7月1日到2020年6月30日，总共12个月。因此，这两个时期的业绩是不相等的对比。

在这审核的财政时期内，本集团的营业额共报39亿3,700万令吉，钢铁业务和建筑材料业务是本集团营业额的主要贡献者。在当局取消行动管制令的多种限制之后，经济领域重新开放，马来西亚经济正在迈向复苏的道路上。马来西亚的钢铁业在2020年趋缓，在2021年回弹。由于海外需求增加，全球的钢铁价格上涨。在这18个月的时期内，本集团获得5亿7,030万令吉的税前利润，其中包括脱售一家子公司取得4亿4,050万令吉的盈利，以及清算一项担保债务安排所取得的1亿9,310万令吉。

在2021年12月31日，本集团处于净现金的地位，净资产共18亿1,400万令吉，每股净资产是2.66令吉，比上一个会计年度增加82仙。

重大的企业发展

- (i) 在上一个会计年度和本会计时期，本公司宣布筹划扩充业务至平板钢业务，方法是通过建议收购平板钢资产，以生产热轧钢卷和冷轧钢卷（“建议扩展到平板钢业务”）。

有关建议扩展到平板钢业务事项，以下建议在2020年7月30日为结算日。（有担保计划）（是根据本公司在2019年6月11日所作的宣布）：

- (a) 建议收购承担债务资产，证券信托人发放8,400万令吉的预付款项给每位美佳钢铁有担保贷款人以及承担债务资产的合法拥有者，加上Secomex Manufacturing (M) Sdn Bhd（“Secomex”）的权利和利益转移给Cendana Aset Sdn Bhd；以及
- (b) 建议收购MS Primissory Note，证券信托人发放MS Promissory Note 的收购价850万令吉给美佳钢铁每位有担保贷款人，而在结算日（有担保计划）由证券信托人签名和写上日期，MS Promissory Note 的权利、所有权凭证以及利益转移给Gelora Berkhat Sdn Bhd。

MS Primissory Note是由美佳钢铁发行给证券信托人，作为全面及最终结清欠给美佳钢铁有担保贷款人的整个担保不足部分的债务5亿2,263万令吉。根据美佳钢铁无担保计划，MS Primissory Note允许Gelora Berkhat Sdn Bhd 有权接受由美佳钢铁支付的结清付款，估计大约298万令吉。

随着Secomex的50万股普通股（等于Secomex的100%股权）注册在Cendana Aset Sdn Bhd 名下，该公司在2020年7月27日成为本集团的独资子公司。

美佳钢铁无担保计划的法庭庭令在2020年8月3日授予马来西亚公司委员会。这样一来，建议中收购承担债务资产的买卖合同的日期也是2020年8月3日。

美佳钢铁无担保计划于2021年12月24日完成。因此，建议扩展到平板钢业务也在同一天完成。

- (ii) 建议脱售Amsteel Mills Sdn Bhd（“AMSB”，本公司拥有99%股权的子公司）拥有的Antara Steel Mills Sdn Bhd（“Antara”）的全部100%股权给Esteel Enterprise Pte Ltd（“Esteel”），最终的调整卖价是1亿6,563万美元（相等于6亿9,774万令吉）（“建议脱售Antara”）。

建议脱售Antara在2021年12月10日完成。这样一来，从2021年12月10日起，Antara不再是本公司的子公司。

- (iii) 建议AMSB出售其在Eden Flame Sdn Bhd（“Eden”）的100%股权给Esteel，根据在2021年11月30日Eden的账目估计，调整卖价是1亿3,588万令吉（“建议出售Eden”）。

建议出售Eden有望在符合上述条件下完成。

展望

根据马来西亚国家银行的预测，在2022年，马来西亚经济预料将增长5.3%至6.3%，全球原产品价格的发展以及供应链受破坏的风险等因素，将带来令人对通货膨胀的担忧。不过，本集团仍然保持谨慎乐观。在下一个会计年度，本集团继续致力于抑制营运成本，优化营运效率，以及开拓新的成长机会。

董事部

我谨代表董事部，真诚感谢已故Dato Kamaruddin @ Abas bin Nordin（他在本会计时期期间去世）在担任本公司董事期间所作的贡献。我们谨此对他的家人表达深切慰问。非常荣幸能与Dato Kamaruddin一同共事，我们深切怀念他。

鸣谢

我谨代表董事部，真诚感谢我们所有尊重的股东、客户、金融机构、商业伙伴以及各个政府机构和执法机构，感谢他们在这具有挑战的时期，继续支持本集团及对本集团具有信心。

我要感谢董事们这时期给予宝贵的指导、支持与贡献。

最后，我也要感谢管理层和职员对本集团的奉献与承诺。

主席

**DATUK SERI UTAMA RAJA NONG CHIK BIN
DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN**